

08 MAR 2002

Malaysia-Vietnam

VIETNAM HARGAI MALAYSIA, KATA SYED HAMID

PUTRAJAYA, 8 Mac (Bernama) -- Vietnam amat menghargai hubungan rapatnya dengan Malaysia yang merupakan antara negara yang paling awal menjalinkan kerjasama dengannya, kata Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar hari ini.

Beliau berkata hubungan kedua-dua negara semakin meluas termasuk dengan langkah Malaysia untuk mengimport pekerja Vietnam ke negara ini untuk bekerja di sektor tertentu.

"Saya fikir Vietnam sudah lama menghormati Malaysia yang di peringkat awal lagi sudah ada hubungan yang rapat dengannya," katanya kepada pemberita selepas menerima kunjungan rakan sejawatannya dari Vietnam Nguyen Dy Nien di Wisma Putra di sini.

Hubungan rapat Kuala Lumpur-Hanoi boleh dilihat daripada fakta bahawa Malaysia merupakan antara tiga negara Asia yang mempunyai pelaburan paling besar di Vietnam dan tempat ke-13 dalam peringkat dunia.

Dy Nien yang tiba di sini semalam mengetuai delegasi Vietnam ke mesyuarat Suruhanjaya Bersama Malaysia-Vietnam di sini hari ini.

Syed Hamid berkata Vietnam turut menjemput Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk melawat negara itu.

Kali terakhir Dr Mahathir melawat negara itu ialah pada 1996.

Jumlah perdagangan Malaysia-Vietnam pada 2000 bernilai RM3.4 bilion.

Pada Januari lepas sahaja eksport Malaysia ke negara itu bertambah 13.7 peratus kepada bernilai RM177.5 juta berbanding Januari tahun lepas.

Sejak sedekad ini, Vietnam yang satu ketika mengamalkan dasar ekonomi tertutup mula membuka ekonominya kepada dunia luar dan ini telah menampakkan kejayaan dengan menarik pelaburan luar yang besar.

-- BERNAMA

RV MFJ RHM